



# The Observer

05.08.2022

## ❖ Cabaran yang mendepani pasaran saham pada separuh kedua 2022

Sekilas pandang, syarikat tersenarai di Bursa Malaysia nampaknya seperti telah mengambil kira pelbagai cabaran yang diramalkan untuk 2022, daripada konflik Rusia-Ukraine yang berpanjangan kepada pendirian agresif Rizab Persekutuan AS terhadap kenaikan kadar faedah.

Cabaran-cabaran ini memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh apabila Malaysia membuka semula sempadan antarabangnya pada 1 April 2022, malah menyaksikan lonjakan dalam aliran masuk dana asing.

### **Rentetan kemerosotan pasaran di Malaysia**

Pada 13 Julai, Indeks Komposit Kuala Lumpur (*FBM KLCI*) jatuh ke paras terendah setakat tahun ini (*year to date, YTD*) pada 1,411 mata. Sehingga akhir Julai, indeks penanda aras itu turun 4.8% atau 13% daripada paras tertinggi pasca COVID-19 iaitu 1,685 mata pada 12 Disember 2020.

Sejak 1995, tempoh purata kemelesetan pasaran di Malaysia ialah 13.6 bulan dengan tempoh paling lama 23 bulan. Sebuah analisis oleh CGS-CIMB Research mendedahkan bahawa pasaran Malaysia mungkin memuncak pada 12 Disember 2020 dan nampaknya berada dalam aliran menurun selepas jatuh 13% daripada paras tertinggi.

Menjejaki indeks sektor utama sewaktu tempoh kemelesetan pasaran sebelum ini, didapati bahawa sektor pembinaan, hartanah, kewangan dan modal kecil (sektor kitaran tempatan) cenderung mencapai prestasi yang lebih rendah berbanding FBM KLCI.

Sektor yang cenderung menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding indeks penanda aras itu sewaktu kemelesetan pasaran yang lalu ialah sektor pengguna, teknologi, syarikat telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan utiliti.

Analisis ini juga mendapati bahawa sektor teknologi dan pengangkutan memperoleh peningkatan paling tinggi sejak paras terendah sewaktu COVID-19 (masing-masing 166% dan 70%) manakala sektor amanah pelaburan hartanah dan utiliti mencatatkan peningkatan paling sedikit (masing-masing 3% dan 10%).

Sektor yang mengalami penyusutan daripada paras kemuncak sewaktu COVID-19 sebelum ini ialah sektor penjagaan kesihatan, tenaga dan pembinaan (antara 16% dan 56%).

### **Peristiwa penting pada separuh kedua 2022**

Orang bijak pandai sering berpesan, air yang tenang jangan disangka tiada buaya. Maka, pemegang saham minoriti atau pelabur runcit perlu sentiasa berwaspada dan mengambil langkah berhati-hati apabila berdepan cabaran yang bakal mendatang.

Walaupun FBM KLCI telah pulih daripada kadar terendahnya setakat ini iaitu 1,411 mata pada 13 Julai, pasaran mungkin masih belum mencapai titik terendah berikutan peningkatan risiko daripada tekanan inflasi di seluruh dunia, kenaikan kadar faedah selanjutnya, kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi China dan peningkatan sekatan yang berpunca daripada konflik Rusia-Ukraine. Ditambah lagi dengan ketegangan antara China dan AS berhubung Taiwan baru-baru ini.

Oleh yang demikian, sentimen pasaran dijangka kekal lemah dengan risiko penurunan pada suku ketiga 2022 apabila pasaran cuba menetapkan harga sewaktu kadar faedah AS berada pada tahap yang tinggi. Selepas itu, pasaran mungkin terikat dengan julat dengan potensi peningkatan jika kebimbangan mengenai kenaikan kadar atau pengurangan risiko kemelesetan AS serta risiko pendapatan untuk syarikat-syarikat Malaysia telah diambil kira.

Ini dapat menawarkan peluang perdagangan untuk pelabur yang mencari tawaran dalam pasaran saham untuk jangka sederhana.

Beberapa berita positif untuk bursa tempatan termasuklah kembalinya pekerja asing, ketibaan pelancong yang lebih baik daripada jangkaan, mengurangkan tekanan inflasi, penyelesaian kepada beberapa kebimbangan berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) yang melibatkan buruh paksa dan mudah-mudahan, Bajet 2023 yang mesra pasaran.

Selain itu, terdapat kecairan tambahan untuk dana institusi domestik seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selepas penamatan skim pengeluaran tidak berulang yang belum pernah berlaku sebelum ini yang melibatkan sejumlah RM141 bilion.

Peristiwa penting lain yang perlu diberi perhatian dalam separuh kedua 2022:

- Keputusan dasar monetari bank pusat
- Langkah-langkah rangsangan fiskal yang berpotensi untuk menghindarkan kesan kelembapan/ kemelesetan ekonomi global
- Potensi diadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dan keputusannya
- Musim keputusan pada Ogos 2022 dan November 2022
- Pembangunan 5G
- Risiko penularan COVID-19 atau wabak utama lain yang mungkin menyebabkan penguatkuasaan sekatan.

Secara keseluruhan, pasaran dijangka tidak menentu sepanjang separuh kedua 2022 berikutan pelbagai cabaran yang perlu didepani.

**Ringgit semakin lemah – siapa yang untung?**

Ringgit menyusut 6.3% setakat tahun ini kepada RM4,425 berbanding dolar AS. Melihat dari sudut sejarah, ringgit yang lemah memberi kesan negatif terhadap Indeks Komposit Kuala Lumpur (FBM KLCI) kerana ia mencetuskan aliran keluar dana asing.

Bagaimanapun, penganalisis berpendapat bahawa penyusutan nilai ringgit mungkin menghampiri penghujungnya kerana pasaran telah mempertimbangkan pendirian Rizab Persekutuan AS yang agresif serta kelembapan ekonomi China. Selain itu, kembalinya pelancong asing seharusnya membawa masuk aliran dana yang amat diperlukan. Ini akan memberi manfaat kepada pemain dalam industri hospitaliti.

Ringgit yang lemah secara amnya menguntungkan pengeksport, daripada pengeluar minyak sawit kepada sarung tangan getah, teknologi, minyak dan gas (*oil and gas*, O&G), perkapalan, perabot, kayu dan syarikat makanan atau pembuatan dengan bahagian pendapatan eksport yang tinggi atau yang mana Malaysia mempunyai kelebihan daya saing dari segi tanah, kuasa, kos buruh dan insentif pelaburan.

Selain itu, ringgit yang lemah memberi kesan positif terhadap syarikat yang memperoleh bahagian pendapatan yang tinggi daripada anak syarikat asing (misalnya, IHH Healthcare Berhad, PPB Group Berhad dan MISC Berhad).

Sebaliknya, ringgit yang lemah memberi impak negatif terhadap pemain industri kenderaan motor, syarikat penerbangan dan syarikat produk pengguna jika mereka tidak dapat menyalurkan kenaikan kos kepada pengguna berikutan permintaan yang lemah. Situasi ini juga merugikan syarikat yang mempunyai pegangan saham asing yang tinggi dan kos yang tinggi dalam mata wang asing.

### **Penerima manfaat kenaikan OPR**

Kadar dasar semalaman (*overnight policy rate*, OPR) kini berada pada 2.25% selepas dua kenaikan berturut-turut oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2022.

CGS-CIMB Research menjangka BNM akan menaikkan lagi kadar penanda aras sebanyak 25 mata asas pada September hingga akhir 2022 dengan kadar 2.50%, diikuti oleh dua lagi kenaikan 25 mata asas pada separuh pertama 2023.

Firma penyelidikan itu menjangkakan BNM akan mengekalkan normalisasi dasar walaupun akan wujud jurang perbezaan yang lebih besar berbanding Fed AS yang lebih agresif. Mereka berpendapat, tumpuan utama BNM adalah untuk mengutamakan pertumbuhan dalam negara dan menangani tekanan inflasi. BNM akan menggunakan pendekatan lain untuk menangani ketidakpastian kadar pertukaran mata wang.

Secara keseluruhan, kenaikan OPR memberi kesan positif terhadap bank yang berpotensi meluaskan margin faedah bersih. Syarikat yang mempunyai baki tunai bersih yang tinggi juga mendapat manfaat daripada pendapatan faedah yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, kenaikan kadar faedah memberi kesan negatif terhadap sektor kitaran seperti hartanah, kenderaan motor dan pengguna disebabkan oleh penyusutan pendapatan boleh guna pengguna. Kenaikan kadar faedah juga

merugikan syarikat yang mempunyai peminjaman yang tinggi disebabkan perbelanjaan faedah yang lebih tinggi.

### **Bakal penerima manfaat PRU15**

Pilihan raya umum yang akan datang merupakan satu lagi risiko pasaran utama bagi pelabur.

Sektor atau syarikat di bawah pengawalseliaan yang tinggi yang bergantung kepada kontrak kerajaan mungkin berdepan ketidaktentuan yang tinggi sebelum pilihan raya dan berpotensi menerima manfaat selepas pilihan raya jika terdapat peningkatan dasar yang lebih jelas.

Antaranya termasuklah syarikat telekomunikasi, utiliti, penyedia perkhidmatan e-kerajaan, kontraktor dan segelintir syarikat berkaitan pengguna memandangkan Kerajaan mungkin akan melaksanakan dasar yang mesra pasaran seperti pemberian wang tunai dan subsidi untuk membantu pengguna.

### **Gambaran ekonomi**

Walaupun berdepan pelbagai cabaran yang mendatang, penganalisis secara amnya memberikan pandangan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

CGS-CIMB Research mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) 2022 sebanyak 6.2%, pada masa yang sama mengunjurkan perkembangan ekonomi sebanyak 5.0% pada 2023.

Selepas mencatatkan pertumbuhan KDNK yang lebih baik daripada jangkaan sebanyak 5.0% tahun ke tahun pada suku pertama 2022 (3.2% pada 2021), firma penyelidikan itu menjangkakan prestasi cemerlang akan diteruskan pada suku berikutnya. Pemberian subsidi secara meluas menyediakan ruang untuk perbelanjaan pengguna walaupun terdapat peningkatan dalam tekanan inflasi.

Oleh yang demikian, pertumbuhan ekonomi Malaysia mungkin menyaksikan tanda-tanda menyederhana menjelang penghujung 2022 dengan cabaran yang bakal mendatang seperti penarikan balik sokongan dasar yang luar biasa, pelaksanaan skim subsidi yang lebih disasarkan, risiko politik domestik dan cabaran ekonomi global.

### **Langkah penyatuan fiskal selanjutnya**

Kerajaan Malaysia dijangka mengekalkan unjuran defisit fiskalnya pada 6.0% daripada KDNK pada 2022 walaupun terdapat maklumat terbaru daripada Kementerian Kewangan mengenai jumlah subsidi tertinggi yang direkodkan dalam sejarah berjumlah RM77.3 bilion untuk 2022 berbanding RM33 bilion yang diumumkan dalam Bajet 2022.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan bahawa kerajaan mungkin akan menyatukan kedudukan fiskalnya pada 2023, selaras dengan pelaksanaan langkah pembaharuan cukai yang bertujuan memperluas asas hasil kerajaan dan orientasi semula mekanisme subsidi bahan api sekiranya harga komoditi kekal dinaikkan.

Tambahan pula, kerajaan menyatakan usaha menguji mekanisme untuk subsidi bahan api bersasar sedang dijalankan selain kajian untuk memperkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Service Tax, GST*).

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 8 hingga 12 Ogos 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
08.08.22 (Isnin) 02.00 petang	Power Root Berhad (EGM)	Power Root bercadang untuk mewujudkan skim opsyen saham pekerja ( <i>employees' share option scheme, ESOS</i> ) sehingga 10% daripada saham terbitannya kepada pengarah dan kakitangan utama Kumpulan yang layak.  Syarikat juga bercadang untuk memperuntukkan pilihan ESOS kepada semua pengarah dalam Lembaga termasuk lima pengarah bebas.
10.08.22 (Rabu) 10.00 pagi	Pertama Digital Berhad (EGM)	Syarikat memohon pengecualian daripada Bursa Malaysia daripada menjadi penerbit tersenarai yang terjejas di bawah Perenggan 8.03A Syarat Penyenaraian Pasaran Utama kerana ia telah memperoleh perniagaan lain selepas melupuskan kepentingannya dalam Be Top Limited dengan harga RM70 juta. Syarikat telah melaksanakan penjualan ini pada tahun 2019 dan sedang dalam proses untuk menyelesaikannya.

**PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))  
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.